

05/06/1999

Pelarasan gaji lima agensi (HL)

Zulkofli Jamaludin; Saidon Idris

SEPANG, Jumaat - Seramai 10,892 kakitangan lima pihak berkuasa berkanun akan menikmati pelarasan gaji dengan kenaikan RM150 hingga RM200 sebulan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 1995.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan kenaikan itu, berkata kakitangan eksekutif akan menerima kenaikan RM200, manakala kakitangan bukan eksekutif pula RM150 sebulan, yang membabitkan implikasi kewangan berjumlah RM92.4 juta.

Menurutnya, kerajaan juga bersetuju meluluskan tambahan bayaran kadar imbuhan tetap kerajaan dan bayaran pembantu rumah bulanan kepada kumpulan eksekutif setaraf Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa).

"Kumpulan eksekutif akan menerima tambahan bayaran imbuhan tetap antara RM1,000 hingga RM2,000 sebulan, manakala kadar bayaran pembantu rumah antara RM500 hingga RM1,000.

"Kerajaan berharap kelulusan ini akan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan anggota di lima agensi itu, khususnya di kalangan anggota kumpulan sokongan.

"Kenaikan ini juga diharap menjadi dorongan kepada semua anggota untuk terus berusaha mempertingkatkan produktiviti kerja," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sekembalinya dari lawatan kerja ke Jepun, hari ini.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut anggota kanan kerajaan, termasuk Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Lima badan berkanun terbabit ialah Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Serentak kenaikan itu, kakitangan lima badan berkanun terbabit menarik balik ancaman berpiket selama tujuh hari mulai Isnin ini, selepas kerajaan meluluskan kenaikan gaji mereka yang tertangguh sejak empat tahun lalu.

Mereka sebelum ini mendakwa menerima gaji lebih rendah berbanding pekerja sektor awam lain sejak diasingkan daripada Skim Saraan Baru (SSB) mulai 1 Januari 1995 dan mengutuskan memorandum kepada Perdana Menteri pada Disember 1997.

Kerajaan semalam mengumumkan lebih 800,000 kakitangan awam di seluruh negara akan menerima pemberian khas sebanyak RM600 yang akan dibayar dalam tempoh enam bulan mulai Julai ini.

Imbuhan khas itu juga akan dinikmati kumpulan yang sudah bersara, kecuali kakitangan kumpulan Jusa.

Perdana Menteri berkata, kerajaan amat menghargai kefahaman dan kesabaran kakitangan lima agensi terbabit, khususnya anggota dari kumpulan sokongan yang tidak mendapat pelarasan gaji.

"Kerajaan tidak menimbangkan sebarang pelarasan gaji sebelum ini disebabkan antara lain keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan," katanya sambil menambah kerajaan kini meluluskan pelarasan itu kerana terdapat tanda positif ekonomi negara mulai pulih.

Dr Mahathir berkata, pelarasan gaji dan pemberian elaun khas itu tidak ada kaitan dengan pilihan raya.

"Walaupun kita membuat peruntukan ini, sebenarnya ia adalah untuk memenuhi syarat perkhidmatan," katanya sambil menolak tuduhan pembangkang

yang mendakwa ia dibuat untuk pilihan raya.

Dr Mahathir berkata, pembangkang hanya nampak pilihan raya sahaja dan kalau tidak ada pilihan raya dia tidak ada peluang apa-apa.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri, kerajaan menguruskan pentadbiran untuk memenuhi keperluan negara dan bukan bagi keperluan pilihan raya.

Mengenai sama ada kerajaan sudah memutuskan untuk membuat terbitan bon baru dalam yen, Perdana Menteri berkata ia masih belum diputuskan lagi.

Menurutnya, dalam perbincangannya dengan Naib Menteri Kewangan bagi Hal Ehwal Antarabangsa Jepun, Eisuke Sakakibara, kerajaan Jepun bersedia untuk menjamin sebarang terbitan bon oleh Malaysia samaada dalam yen, euro atau pun dolar Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya terbitan bon yang dilakukan oleh Malaysia adalah bagi mahu mewujudkan satu tanda aras bagi bon negara bukan kerana memerlukan wang.

"Untuk tujuan itu kita perlu memasuki pasaran bagi mengetahui nilai kita iaitu penarafan kita," katanya.

(END)